



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR,  
DI KUANTAN  
KES MAL NO : 06100-005-0076-2014

ANTARA  
NOR HASNIZA BINTI MOHD RAZALI  
DAN  
AZRIN FAIZAL BIN MD RADZI

<b>LOKASI</b>	: Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan
<b>HAKIM</b>	: YA Tuan Haji Mohd Yusof Bin Ab Ghani. AMP, HMTS
<b>TARIKH</b>	: 28 April 2014 bersamaan 28 Jamadilakhir 1435 H
<b>NO KES</b>	: 06100-005-0076-2014
<b>DISEDIAKAN OLEH</b>	: Pegawai Penyelidik Hakim MTS Kuantan

#### PEGUAM SYARIE

Plaintif	: Binti Mat Salleh daripada Tetuan Mohd Zuki & Associates
Defenden	: Mastuni Muhammad daripada Tetuan Mastuni Muhammad & Associates.



## FAKTA KES

Pemohon Nor Hasniza Binti Mohd Razali (No. K/P: 840311-06-XXXX) dan Responden Azrin Faizal Bin Md Radzi (NO. K/P: 810530-09-XXXX) adalah pasangan suami isteri yang bernikah pada 31hb Ogos 2007 dengan berwalikan Bapa Kandung Plaintif. Hasil Perkahwinan tersebut pasangan ini tidak dikurniakan cahayamata, walaubagaimanapun Pemohon dan Responden telah mengambil seorang anak angkat atas persetujuan bersama antara kedua-dua pihak (selepas ini disebut sebagai 'anak tersebut')

Pemohon dalam kes ini memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk mengeluarkan perintah Injunksi sementara bagi menghalang Responden dari mengganggu Pemohon dan dibenarkan untuk tinggal secara berasingan dengan Responden sementara menunggu kes induk iaitu Faskh selesai dibicarakan.

## PENGHAKIMAN RINGKAS OLEH TUAN HAJI MOHD YUSOF BIN AB GHANI, HMTS.

Injunksi atau tegahan dari segi Definisinya ialah satu remedi atau relief (judicial remedy) yang boleh dipohon di Mahkamah dalam semua aspek perundangan. Secara praktikalnya dipakai dalam undang-undang harta, tort, pensyarikatan, perkahwinan dan perceraian dan lain-lain lagi termasuklah undang-undang prosedur. Secara umumnya Injunksi ini ialah perintah untuk menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu perbuatan yang boleh membawa kecederaan atau kerosakan kepada orang lain (Injunksi prohibitori) atau menyuruh seseorang melakukan perbuatan tersebut bagi mengelakkan berlakunya kerosakan yang lebih serius kepada orang lain (Injunksi mandatori).

Di Mahkamah Syariah, peruntukan mengenai Injunksi ini ada disentuh dan diperuntukkan dalam **seksyen 200 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2002**. Seksyen tersebut memperuntukkan:

- (1) Atas permohonan mana-mana pihak dalam mana mana kausa atau perkara, sebelum atau selepas pendengaran kausa atau perkara itu, Mahkamah boleh memberikan Injunksi, samada atau tidak tuntutan untuk mendapatkan Injunksi itu telah dimasukkan dalam saman, tuntutan balas atau notis pihak ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Permohonan di bawah seksyen ini tidak boleh dibuat sebelum tindakan dimulakan kecuali dalam keadaan yang mendesak.
- (3) Jika Pemohon ialah plaintif dan kes itu suatu kes yang mendesak, permohonan itu boleh dibuat secara ex parte yang disokong dengan affidavit dan affidavit itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang jelas dan ringkas lagi padat -



- (a) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan terhadap defendan dalam prosiding itu;
- (b) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan untuk mendapatkan Injunksi itu;
- (c) tentang fakta-fakta yang menjadi sandaran bagi mewajarkan permohonan secara ex parte itu, termasuk butir-butir terperinci mengenai apaapa notis yang diberikan kepada defendan atau, jika butir-butir itu tidak diberikan, sebab butirbutir itu tidak diberikan;
- (d) tentang apa-apa jawapan yang ditegaskan oleh defendan, atau yang difikirkan mungkin akan ditegaskan olehnya, samada kepada tuntutan dalam tindakan itu atau kepada tuntutan bagi Injunksi itu;
- (e) tentang apa-apa fakta yang diketahui oleh Pemohon yang mungkin menyebabkan Mahkamah tidak memberikan Injunksi secara ex parte;
- (f) tentang samada mana-mana permohonan secara ex parte terdahulu yang seumpamanya telah dibuat kepada mana-mana Hakim dan, jika demikian, perintah yang dibuat dalam permohonan terdahulu itu; dan
- (g) tentang relief yang sebenarnya dipohon.

Dari penjelasan tersebut, jelaslah bahawa Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mendengar permohonan perintah Injunksi mengenai tegahan terhadap Responden yang dibuat oleh Pemohon. Pada hemat saya, dalam kes ini, permohonan Pemohon untuk mendapatkan perintah Injunksi atau tegahan terhadap Responden adalah tidak menyalahi syarak dan selaras dengan kehendak peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Injunksi merupakan salah satu remedi yang kebiasaannya dipohon samada oleh pihak Plaintiff atau Defendan dengan tujuan :-

- i) untuk menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu perbuatan yang boleh membawa kepada kecederaan atau kerosakan kepada orang lain;
- ii) untuk menghalang sesuatu pihak daripada melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- iii) untuk menyuruh sesuatu pihak mengembalikan barang atau hak orang lain yang telah dirampasnya; atau
- iv) untuk mengekalkan hak seseorang dalam menikmati harta atau hak milik hartanya.



Injunksi juga merupakan remedi yang penting mengikut Hukum Syarak melalui Kaedah Fiqh yang memperuntukkan bahawa :-

- (a) sesuatu darar dengan cara mana sekali pun ia berlaku hendaklah dihapuskan,
- (b) sesuatu darar itu tidak boleh dihapuskan dengan melakukan darar yang sama kerosakannya,
- (c) menolak kerosakan didahulukan dari mengambil kemaslahatan, dan
- (d) kemudaratan itu hendaklah dihapuskan sekadar yang boleh.

Di dalam Sohih Al-Bukhari, jilid yang ketiga, juzuk yang ketujuh, muka 85, kitab Al-Nafaqat ada menyebut;

أَنْ هِنْدُ بِنْتُ عْتَبَةَ قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سَفْيَانَ رَجُلًا شَحِيحٌ وَلَيْسَ يَعْطِينِي مَا يَكْفِينِي  
وَوَلَدِي إِلَّا مَا أَخَذْتُ مِنْهُ وَهُوَ لَا يَعْلَمُ فَقَالَ خُذِي مَا يَكْفِيكَ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ

*"Maksudnya; Diriwayatkan bahawa Hindun binti 'Utbah, isteri Abu Sufyan telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w., bahawa suaminya, Abu Sufyan adalah lelaki kedekut dengan dia tidak memberi nafkah yang cukup kepada isterinya itu dan anaknya hingga menyebabkan Hindun mengambil sendiri dari harta Abu Sufyan tanpa pengetahuan Abu Sufyan bagi mencukupi nafkah kedua-duanya, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Hindun, 'Kamu bolehlah ambil dari harta Abu Sufyan itu bagi mencukupi nafkah kamu dan anak kamu dengan sebaiknya."*

Berdasarkan Hadith di atas, Mahkamah berpendapat perintah Rasulullah saw kepada Hindun adalah seperti perintah Injunksi dalam bentuk suruhan untuk mengambil sebahagian dari harta bagi mencukupi nafkah, kerana ketiadaan nafkah yang mencukupi akan menyebabkan darar kepada isteri dan anak.

Dalam meneliti kes yang difailkan oleh Pemohon ini, Mahkamah mendapati bahawa tujuan Pemohon memfailkan Injunksi ialah untuk menghindarkan diri dari suaminya dan seterusnya memfailkan kes induk iaitu Fasakh dibawah Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005

Mahkamah Tinggi Syariah berpendapat pasangan ini telah pun berlaku *shiqaq* dan tidak membolehkan mereka tinggal bersama sebagai suami dan isteri dalam suatu rumah. Maka pasangan ini mestilah tinggal berasingan untuk mengelak mudharat. Ini kerana dalam perkara *shiqaq* ini, adalah wajar bagi Pemohon dan Responden untuk tinggal berasingan dahulu sehinggalah pasangan ini mencapai keputusan samada membubarkan perkahwinan atau bersama semula.



Dalam hal ini pasangan ini telah pun mempunyai rumah suami isteri (Matrimonial Home), maka isteri adalah wajib tinggal di rumah yang disediakan oleh suaminya sendiri. Dalam hal ini, rumah yang beralamat di **No. X Lorong Pandan X X/X, Jalan Lapangan X, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur** adalah rumah yang mesti dijadikan *maskan at-ta'ah* oleh Pemohon.

Oleh itu, Responden sebagai suami adalah diwajibkan menyediakan kemudahan-kemudahan rumah ini seperti bayaran bil elektrik, air, sewaan atau bayaran rumah, cukai pintu dan memastikan rumah yang selesa untuk isteri dan anak tersebut.

Adalah jelas bahawa Islam telah mengajar perkara ini sepertimana dirakamkan di dalam al-quran surah al-thalaq ayat 1. Firman Allah S.W.T:

لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا سَخِرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ ۚ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ ۚ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ ۚ لَا تَدْرِي لَعَلَّ اللَّهَ يُحْدِثُ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْرًا ﴿١﴾

Maksudnya dan janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji Yang nyata. dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya); dan sesiapa Yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka Sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada dirinya. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan, sesudah itu, sesuatu perkara (yang lain).

Berdasarkan ayat di atas, suami adalah tidak dibenarkan untuk mengeluarkan isterinya dari rumah tersebut dan isteri pula tidak boleh keluar dari rumah itu. Dalam keadaan ini Mahkamah Tinggi Syariah berpendapat suamilah yang sepatutnya keluar dari rumah untuk bertenang dan membolehkan pasangan ini memperbaiki diri semasa tidak bersama agar mereka insaf.

Mahkamah Tinggi Syariah juga memberi amaran keras kepada keluarga pihak-pihak samada Pemohon atau Responden agar mengelakkan daripada campur tangan untuk mengeruhkan lagi suasana rumahtangga pasangan ini. Mahkamah berpendapat cara penyelesaian terbaik untuk menangani permasalahan ini adalah dengan mencari jalan damai dengan merujuk kepada Pegawai Agama Islam untuk mendapatkan khidmat nasihat.



Lain-lain isu sampingan yang dibangkitkan oleh wakil kedua-dua belah pihak akan diputuskan di dalam kes induk iaitu Fasakh. Mahkamah Tinggi Syariah tidak perlu mengulas mengenai apa-apa kelemahan Pemohon dan Responden dalam isu tersebut dan Mahkamah hanya menghukum dari segi zahir sahaja merujuk hukum syarak.

Pihak-pihak juga diingatkan supaya tidak mengemukakan bukti-bukti atau keterangan-keterangan yang melapau batasan syarak. Sebagai contoh, dokumen bergambar yang jijik, lucu dan keterlaluan serta melangkau norma-norma syarak tidak perlulah dilampirkan. Mahkamah suka merujuk firman Allah s.w.t dalam surah an-Nur, ayat 30 yang berbunyi:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

*“Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki Yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang Yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa Yang mereka kerjakan”.*

Ayat ini diturunkan bagi mendidik umat Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. daripada melihat ke arah wanita-wanita yang tidak menutup aurat. Tegahan dalam ayat ini adalah larangan daripada melihat ke arah perempuan yang mendedahkan aurat.

**DIPUTUSKAN**

Setelah mendengar Permohonan Untuk Mendapatkan Perintah INUJUJKSI Secara Inter-parte daripada Pemohon, maka Mahkamah berpuashati dan memutuskan seperti berikut:

1. **SAYA PUTUSKAN** Permohonan Pemohon, Nor Hasniza Binti Mohd Razali, (No K/P: 840311-XX-XXXX) untuk mendapatkan Perintah Injunksi ini adalah dibenarkan dan diluluskan oleh Mahkamah.
2. **SAYA PERINTAH** bahawa Pemohon, Nor Hasniza Binti Mohd Razali, (No K/P: 840311-XX-XXXX) hendaklah tinggal berasingan dengan Responden, Azrin Faizal Bin Md Radzi (NO. K/P: 810530-XX-XXXX) sementara menunggu perbicaraan kes Tuntutan Fasakh oleh Pemohon terhadap Responden.
3. **SAYA PERINTAH** Responden supaya meninggalkan rumah yang beralamat di No. X Lorong Pandan X X/X, Jalan Lapangan X, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur dengan kadar segera.
4. **SAYA PERINTAH** bahawa Pemohon hendaklah tinggal di rumah yang beralamat di No. X Lorong Pandan Aman X/X, Jalan Lapangan X, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur bersama anak tersebut sementara menunggu perbicaraan Tuntutan Fasakh selesai.
5. **SAYA PERINTAH** Responden, Azrin Faizal Bin Md Radzi (NO. K/P: 810530-XX-XXXX), dan/atau mana-mana warisnya atau agen-agensya atau mana-mana orang suruhannya hendaklah menahan diri daripada mengganggu atau mencero bohi dengan apa cara sekalipun ke atas Pemohon, Nor Hasniza Binti Mohd Razali, (No K/P: 840311-XX-XXXX).
6. **SAYA PERINTAH** Responden dan/atau warisnya atau agen-agensya hendaklah menahan diri daripada memasuki, mengganggu dan mencero boh dengan apa cara sekalipun ke atas Rumah Perkahwinan milik Pemohon, Nor Hasniza Binti Mohd Razali, (No K/P: 840311-XX-XXXX) di alamat No. X Lorong Pandan X X/X, Jalan Lapangan X, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur.